MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI
MELAKA BIL 3/2017

Bil	:	3/2017
Tarikh	:	28 September 2017
Masa	:	10.15 pagi
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Tun Seri Nara Diraja, Aras 4, Blok Bentara, Seri Negeri, Ayer Keroh, **MELAKA**

Kehadiran Pihak Pegawai:

1. YB Datuk Roslan Bin Ibrahim -Pengerusi Pihak Pegawai
2. Cik Norifah binti Nordin - Ahli Pihak Pegawai
3. Cik Puhnitha Devi A/P Durairaju - Ahli Pihak Pegawai
4. Cik Aida Suhana binti Barudin - Setiausaha
5. Pn. Azliana binti Mohamd Amin - Urusetia

Kehadiran Pihak Pekerja:

1. Cik Nur Adibah binti Adam - PengerusiPihak Pekerja
2. Pn. Norul Aisyah binti Ibrahim - Setiausaha Pihak Pekerja
3. Pn. Nur Izzura binti Othman - Ahli Pihak Pekerja
4. Pn. Hasidah binti Abdul Manan - Ahli Pihak Pekerja
5. En. Mohd Amiril Bin Mat Samsudin - Ahli Pihak Pekerja

Tidak Hadir Dengan Maaf:

1. Pn. Ummu Hani binti Salim - Ahli Pihak Pekerja
2. En. Mohd Rodzi Fitri bin Abd Aziz - Ahli Pihak Pekerja
3. En. Mohd Najib bin Buang - Ahli Pihak Pekerja

1. PERUTUSAN PENGERUSI

1.1 YB Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua yang hadir ke Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil 3/2017.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL 2/2017

Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil.2/2017 bertarikh 30 Jun 2017 disahkan tanpa pindaan.

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Usul 2/2 2016 :Memohon "*Upgrade"* Mesin Fotostat di Aras 2

3.1.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa pihak pentadbiran telah mengemukakan beberapa Sebut harga bagi pembelian tablet tersebut Walau bagaimanapun, keputusan pembelian masih belum diputuskan Berikut adalah senarai harga dan jenama yang dikemukakan:

1. Apple Ipad Air 2 32GB - RM1,9999.00
2. Apple Ipad Mini 4 32GB - RM1,950.00
3. Apple Ipad Wi Fi 128GB - RM2,363.00 (2 *Years warranty*)
4. Apple Ipad Wi Fi 128GB - RM2,099.00 (1 *Year warranty*)
5. Apple 9.7 inch Ipad Pro Wi Fi 128 GB - RM3,363.00 (2 *Years warranty*)
6. Apple 9.7 inch Ipad Pro Wi Fi 128 GB - RM3,099.00 (1 *Year warranty*)

3.1.2 Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju dengan sebutharga yang dikemukakan dan memilih jenama Apple Ipad Mini 4 atau Apple Ipad Air 2 di mana harga seunit tidak RM2,000.00 +/- 10%. Mesyuarat turut mengesyorkan untuk melihat kepada jenama lain yang setaraf dengan spesifikasi dan harga seperti yang telah ditetapkan.

3.1.3 Unit Pentadbiran dan Komputer dalam tindakan untuk merunding harga Ipad tersebut beserta perkakasan/aksesori yang diperlukan.

3.1.4 Keputusan:

Mesyuarat mengesyorkan supaya Unit Pentadbiran dan Unit Komputer mendapatkan sebutharga dari jenama Samsung.

Tindakan : Unit Pentadbiran/ Unit Pelaburan/ Unit Komputer

3.2 <u>Usul 1/4 2016- Penyelarasan Semula Fungsi dan Tugas Setiap Unit</u>

3.2.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa penyelarasan semula tugas dan fungsi setiap unit ini perlu bagi memastikan sesuatu pekerjaan itu dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan teliti. Sehubungan itu perbincangan bersama-sama dengan setiap ketua unit perlu bagi memastikan objektif dan "*outcome*" sesuatu tugasan itu tercapai.

3.2.2 Mesyuarat bersetuju dengan cadangan penyelarasan semula fungsi dan tugas setiap unit dan meminta pihak Pentadbiran merangka untuk menganjurkan bengkel/ perbincangan berhubung fungsi setiap unit di bawah Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka.

3.2.3 Unit Pentadbiran bercadang untuk mengadakan bengkel penyelarasan semula fungsi dan tugas di setiap unit pada 15 hingga 17 September 2017 (Jumaat hingga Ahad) bertempat di Port Dickson, Negeri Sembilan. Unit Pentadbiran juga sedang mendapatkan fungsi dan core business setiap Unit/Bahagian bagi tujuan penyelarasan.

3.2.4 <u>Keputusan:</u>

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pelaksanaan bengkel tersebut akan ditangguhkan kerana kekangan peruntukan semasa.

Makluman

3.3 <u>Usul3/1- 2017 - Mengadakan program Team Building</u>

3.3.1 Mencadangkan program *team building* untuk warga kerja jabatan diadakan pada setiap tahun atau dua tahun sekali. Program ini boleh ditambah baik dengan pelaksanaan aktiviti fizikal atau *outdoor*.

3.3.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa dengan adanya perlaksanaan program *team building* tersebut ianya dapat memberi kesan yang positif dari sudut mutu kerja dan hubungan antara warga kerja.

3.3.3 Mesyuarat mengambil maklum berhubung cadangan Program *Team Building* yang akan diadakan pada 18-20 Ogos 2017 atau 8-10 September 2017 tertakluk kepada jadual YB PWN. Tempat yang dicadangkan adalah seperti Paradise Valley Broga Semenyih, Agrotek Resort Hulu Langat atau Impian Rimba Resort Hulu Langat.YB Pengerusi turut mencadangkan Saujana Asahan sebagai salah satu lokasi pilihan dan meminta unit pentadbiran membuat lawatan tapak ke sana.

3.3.4 Keputusan:

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pelaksanaan bengkel tersebut akan ditangguhkan kerana kekangan peruntukan semasa.

Makluman

3.4 Usul 1/2 – 2017: Cadangan mengkaji semula pembayaran gaji pukal kepada warga kerja di JKPNM.

3.4.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa masih terdapat beberapa warga kerja JKPNM yang berstatus kontrak masih menerima bayaran gaji secara pukal. Justeru itu, cadangan ini disuarakan memandangkan kos sara hidup yang semakin tinggi di samping komitmen lain yang mendesak seperti bayaran balik pinjaman PTPTN dan sebagainya. Adalah wajar sekiranya skala gaji ini dikaji semula setiap 3 tahun mengikut keperluan masa kini.

3.4.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa tiada lagi pembayaran skim pukal digunakan bermula tahun 2017. Walau bagaimanapun pihak pengerusi meminta unit pentadbiran menyemak semula perkara ini dengan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,JKMM.

3.4.3 Keputusan:

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Keputusan Mesyuarat MMKN Bil 4/2017 telah bersetuju meluluskan Cadangan Penyelarasan Emolumen Pegawai Gred 41 (Kontrak) dan Penolong Pegawai Gred 29 (Kontrak) di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka. Tarikh bayaran berkuatkuasa mulai 1 Februari 2017. Sebanyak tiga (3) orang warga JKPNM yang terlibat iaitu :

i. Hazel Bazlila binti Hamdan
ii. Noor Rusydah binti Nordin
iii. A'dy Shukrie bin Mohd Saru

Tunggakan bayaran telah dibuat pada 25 September 2017.

Makluman

3.5 Usul 2/2 – 2017: Gotong Royong membersihkan stor di PERTAM

3.5.1 Mesyuarat memaklumkan dengan cadangan mengadakan gotong royong membersihkan stor di PERTAM selaras dengan pelaksanaan EKSA yang ingin dilaksanakan di JKPNM. Gotong royong wajar dilakukan mengikut Aras/Unit memandangkan keadaan stor tersebut yang semakin tidak teratur. Pembersihan stor ini perlu dilakukan untuk memastikan proses penyimpanan dokumen-dokumen lebih teratur dan sistematik.

3.5.2 Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju cadangan gotong royong tersebut dan meminta pest control diadakan sebelum aktiviti tersebut dilaksanakan

3.5.3 Keputusan:

Gotong royong membersihkan stor di PERTAM akan dilaksanakan pada 28 November 2017.

Tindakan : Unit Pentadbiran/ Unit Pelaburan

3.6 Usul 4/2 – 2017: Semak semula sistem 'Thumb Print" kehadiran warga kerja jabatan ini bagi mengelak kekeliruan.

3.6.1 Mesyuarat mengambil maklum dengan cadangan menyemak semula sistem Thumb Print Kehadiran warga kerja JKPNM bagi mengelakkan sebarang kekeliruan. Hal ini disebabkan laporan kehadiran yang dijana pada hujung bulan menunjukkan warna merah sedangkan pegawai tidak hadir lewat ke pejabat.

3.6.2 Mesyuarat mengambil maklum dengan masalah yang dihadapi dan meminta perkara ini dipanjangkan kepada Bahagian Teknologi dan Maklumat, Jabatan Ketua Menteri untuk tujuan penyelenggaraan. Selain itu, warga kerja JKPNM dinasihati untuk sentiasa memantau waktu bekerja mereka melalui PCRS dan sekiranya terdapat masalah aduan boleh dibuat segera kepada Unit Pentadbiran.

3.6.3 Keputusan:

Mesyuarat dimaklumkan bahawa setiap aduan berhubung masalah PCRS akan diajukan terus kepada pihak Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Ketua Menteri Melaka.

Makluman

3.7 Usul 5/2- 2017 : Mencadangkan agar kumpulan koir JKPNM diberi nafas baru semula

3.7.1 Mesyuarat mengambil maklum dengan cadangan untuk menubuhkan kumpulan koir Jabatan. Tujuan penubuhan ini adalah sebagai satu langkah persediaan kepada Jabatan sekiranya Jabatan dipilih sebagai tuan rumah bagi perhimpunan pagi. Selain itu dengan wujudnya kumpulan koir ini ianya boleh dijadikan salah satu platform untuk Jabatan ini mengeratkan ukhuwah di kalangan warga kerja.

3.7.2 Mesyuarat mengambil maklum dengan cadangan tersebut. Walau bagaimanapun, bancian perlu diadakan bagi menyokong penubuhan tersebut dan adakah mereka berminat untuk menyertai kumpulan koir tersebut. Cadangan ini akan dipertimbangkan sekiranya ianya mendapat sambutan dari warga kerja JKPNM.

3.7.3 Wakil MBJ (Pekerja) telah membuat edaran mengenai cadangan penubuhan koir Jabatan. Hasil edaran tersebut mendapati majoriti warga kerja JKPNM bersetuju dengan penubuhan koir Jabatan.

3.7.4 Keputusan:

Mesyuarat mengesyorkan supaya Unit Pentadbiran mendapatkan tenaga pengajar bagi tujuan melatih pasukan koir jabatan.

Tindakan : Unit Pentadbiran/Wakil MBJ

4. USUL BARU

4.1 Mencadangkan membaiki atau menurap lubang di sepanjang laluan basement yang menghubungkan Blok Bentara dan pintu masuk.

4.1.1 Mesyuarat dimaklumkan laluan atau jalan masuk menuju ke pintu lif di aras bawah blok bentara perlu diselenggara. Ini kerana laluan tersebut didapati berlubang, tidak rata dan rosak. Ini mengakibatkan wargakerja yang melalui laluan tersebut tidak selesa dan boleh mengakibatkan kemalangan kecil seperti tersadung.

4.1.2 Keputusan:

Mesyuarat mengesyorkan perkara ini dipanjangkan ke Bahagian Khidmat Pengurusan, JKMM untuk tindakan memasang tiles di sepanjang laluan tersebut kerana ianya melibatkan isu keselamatan warga kerja.

Tindakan : Unit Pentadbiran

4.2 Mencadangkan agar petugas kebersihan ditempatkan secara bergilir-gilir di setiap position

4.2.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa penggiliran petugas kebersihan ini adalah perlu memandangkan terdapat beberapa petugas yang telah ditegur berulang-ulang kali tetapi tiada sebarang tindakan dan perubahan yang di ambil. Di samping itu dengan adanya penggiliran ini secara tidak langsung ianya dapat mepertingkatkan kualiti kebersihan di sekitar Seri Negeri.

4.2.2 Keputusan:

Mesyuarat mengesyorkan supaya perkara ini dipanjangkan ke Bahagian Khidmat Pengurusan, untuk mengadakan satu mesyuarat penyelarasan tugas bersama penyelia syarikat pembersihan dan wakil bahagian Khidmat Pengurusan, JKMM.

Tindakan : Unit Pentadbiran

4.3 <u>Mencadangkan mesin ATM "cash deposit" Maybank di bina di dalam Kawasan Seri Negeri</u>

4.3.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa kemudahan mesin ATM cash deposit ini adalah bagi memudahkan warga kerja JKPNM untuk membuat urusan mendepositkan wang.

4.3.2 Keputusan:

Mesyuarat telah menolak usul tersebut kerana tiada keperluan, memandangkan penggunaan mendeposit wang adalah kurang.

Makluman

4.4 <u>Memohon semakan semula opsyen yang ditawarkan kepada kakitangan kontrak Gred 17 (Memiliki Sijil Diploma) kepada Gred 29 (KUP)</u>

4.4.1 Opsyen yang ditawarkan kepada kakitangan kontrak Gred 17 di JKPNM sebelum ini adalah bersyarat bergaji pukal. Walaubagaimanapun, terdapat dasar baru dimana penggunaan gaji pukal telah dimansuhkan dan diubah kepada bergaji skim. Sehubungan itu, kakitangan kontrak yang berkelayakan berminat dan memohon supaya tawaran ini dibuka semula.

4.4.2 Keputusan:

Mesyuarat mengambil maklum berhubung usul di atas dan perkara tersebut perlu dipanjangkan ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan : Unit Pentadbiran

4.5 <u>Mencadangkan ubahsuai dilakukan di tempat mengambil wuduk surau perempuan</u>

4.5.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa tempat mengambil wuduk di surau perempuan kurang selesa terutamanya bagi ibu mengandung. Hal ini disebabkan kedudukan paip yang agak rendah dan jarak antara bendul dan

dinding terlalu dekat. Selain itu pengaliran air juga tidak memuaskan dan sering menyebabkan tempat wuduk bertakung.

4.5.2 Keputusan:

Mesyuarat mengambil maklum berhubung usul tersebut dan akan dipanjangkan ke Bahagian Khidmat Pengurusan, JKMM untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan : Unit Pentadbiran

4.6 <u>Mencadangkan agar denda dikenakan bagi unit/bahagian yang tidak membersihkan bilik mesyuarat setelah digunakan</u>

4.6.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa kebersihan bilik mesyuarat perlu dijaga kerana ianya mencerminkan imej jabatan. Sehubungan itu, Jawatankuasa MBJ mengesyorkan supaya denda dikenakan kepada unit/bahagian yang tidak menjaga kebersihan bilik mesyuarat.

4.5.2 Keputusan:

Mesyuarat mengambil maklum berhubung usul tersebut. Mesyuarat mengesyorkan supaya pihak pentadbiran memaklumkan kepada Jabatab/ Agensi yang memohon menggunakan bilik mesyuarat perlu membersihkan selepas digunakan dan memastikan pihak katerer mengambil segala peralatan makanan dan minuman selepas mesyuarat tamat.

Tindakan : Unit Pentadbiran

6.PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi dan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir.

Disediakan oleh:

.....
(AIDA SUHANA BINTI BARUDIN)
Setiausaha,
Majlis Bersama Jabatan (MBJ),
Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan
Negeri Melaka

Tarikh: 9 Oktober 2017

Disemak oleh:

.....
(NORUL AISYAH BINTI IBRAHIM)
Setiausaha Bersama,
Majlis Bersama Jabatan (MBJ),
Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan
Negeri Melaka

Tarikh: 9 Oktober 2017